



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

TINJAUAN MENTERI KERJA RAYA KE LALUAN-LALUAN PERSEKUTUAN DI DAERAH KLANG, SELANGOR PADA 23 NOVEMBER 2023

KUALA LUMPUR – Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah mengadakan tinjauan ke Daerah Klang bertujuan untuk melihat sendiri lokasi-lokasi aduan dan kemalangan di Laluan – Laluan Persekutuan Daerah Klang, Selangor.

Kementerian Kerja Raya terus komited dalam memastikan Laluan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa kepada semua pengguna jalan raya. Panjang Laluan Persekutuan di Daerah Klang adalah berjumlah **185.067 km**. Bagi tahun 2023, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sejumlah **RM16,349,100.00** di bawah Program Penyenggaraan Berkala Pavemen, Berkala Bukan Pavemen, Jambatan dan Penyenggaraan Lampu Jalan & Lampu Isyarat di Jalan Persekutuan Daerah Klang, Selangor.

Untuk Tahun 2024, Kementerian Kerja Raya bersama Kementerian Pengangkutan akan memberi fokus kepada peruntukan yang bakal disalurkan iaitu sebanyak **RM50 Juta** secara **Geran Padanan** bagi menyenggara laluan-laluan yang sering digunakan oleh kenderaan berat di sekitar jalan Pelabuhan Klang. Senarai lokasi ini perlu disemak dengan teliti supaya ia mengambil kira kaedah rawatan yang sesuai bagi menampung beban kenderaan berat yang banyak di kawasan Pelabuhan Klang.

Di samping itu, beliau turut meninjau lokasi kemalangan yang menyebabkan seorang penunggang motosikal maut di Laluan Persekutuan FT3217, Jalan Industri Meru Seksyen 9.3 Daerah Klang, Selangor pada 18 November 2023 yang lalu.

Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam memastikan infrastruktur awam disenggara dengan baik dan selamat, aplikasi **MyJalan KKR** merupakan salah satu inisiatif bagi memudahkan pengguna jalan raya membuat aduan berkaitan kerosakan jalan. Aplikasi ini bertujuan meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya serta dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh kerosakan jalan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
23 NOVEMBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉️ PRO@KKR.GOV.MY 📞 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR_MALAYSIA](https://www.facebook.com/KKR_MALAYSIA) 📺 [@MOWORKS](https://www.instagram.com/MOWORKS) 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur